

PM: Banyakkan lagi kongsi niaga

UM 18 JUN 2000

Oleh NAZRI NONG' SAMAH

KUALA LUMPUR 17 Jun -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa peniaga Cina dan bumiputera mengadakan lebih banyak perkongsian perniagaan yang tidak lagi bersandarkan kepada konsep "Ali Baba" tetapi perkongsian tulen.

Menurut Perdana Menteri, melalui perkongsian tulen itu, masyarakat peniaga bumiputera harus diberi peluang memainkan peranan lebih bermakna selain menimba pengalaman serta kecekapan daripada rakan perkongsian mereka itu.

Berucap pada Perhimpunan Agung MCA ke-47 di sini, hari ini, Dr. Mahathir menegaskan bahawa perkongsian Ali Baba di mana peniaga bumiputera hanya menjadi 'front' (topeng) tidak menolong proses pemindahan kecekapan dalam bidang perniagaan.

Beliau juga percaya jika rakan kongsi bumiputera diberi peranan yang lebih bermakna dalam sesuatu bidang perniagaan, peniaga bumiputera berkenaan akan dapat memberi sumbangan bernilai untuk sama-sama memajukan perniagaan tersebut.

"Jika bumiputera maju dan sama kaya dengan kaum-kaum yang lain, kemajuan negara akan meningkat dan pendapatan purata Malaysia

akan menjadi jauh lebih baik," kata Perdana Menteri lagi.

Beliau menekankan betapa perlunya semua kaum di negara ini sama-sama memelihara keharmonian dan kejayaan Malaysia selama ini adalah kerana semua kaum berjaya merapatkan hubungan antara mereka.

Perdana Menteri percaya setelah 42 tahun negara mencapai kemerdekaan, sedikit sebanyak integrasi kaum telah berjaya dilaksanakan.

"Sebenarnya kadang-kadang kita begitu *Malaysian* sehingga kita tidak dapat mengenali seseorang itu daripada kaum yang mana.

Kemajuan

"Dari segi pakaian, budi bahasa Melayu dan bumiputera sukar dikenali sebagai berlainan daripada keturunan Cina dan India," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, jika trend tersebut berterusan, beliau percaya sangkaan buruk antara kaum akan hilang sama sekali dan apabila prestasi ekonomi semua kaum menjadi sama, perkauman akan hilang.

Beliau menambah, pengalaman negara melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) menunjukkan bahawa peningkatan ekonomi bumiputera tidak menjejaskan kemajuan ekonomi bumiputera.

Katanya, walaupun ada orang Cina yang tidak puas hati terhadap DEB, jika semua kaum dapat berkongsi dan bekerjasama, bilangan mereka yang tidak berpuas hati terhadap dasar itu akan berkurangan.

"Malaysia mampu mencipta dasar-dasar dan pendekatan yang berlainan daripada biasa. Negara-negara berbilang-kaum yang lain tidak berjaya menyelesaikan masalah perkauman. Kita berjaya walaupun mungkin tidak sepenuhnya," ujar beliau.

Dalam ucapannya itu juga, Dr. Mahathir berkata, pembangunan negara boleh menjadi pesat jika tidak diganggu oleh pihak tertentu yang disifatkannya suka menghalang kemajuan.

Selain parti lawan, kata beliau, terdapat beberapa badan bukan kerajaan atau NGO yang menghalang kemajuan negara.

"Melalui NGO, negara dan kerajaan asing secara langsung atau tidak langsung dapat bertindak dan menimbulkan masalah kepada kerajaan-kerajaan negara bebas.

"Isu-isu seperti hak asasi manusia, demokrasi, buruh kanak-kanak, rule of law, kronisme, korupsi dan bermacam lagi digunakan oleh NGO tempatan dan luar negeri untuk mencetuskan ketegangan supaya menjejaskan kestabilan negara membangun," jelasnya.